



**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
ARAS 11, 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27  
MENARA DATO' ONN  
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)  
NO. 45, JALAN TUN ISMAIL  
50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-4047 6200  
Faks : 03-4047 6142  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)  
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (17)

Tarikh : 16 Disember 2020

**Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

Salam Kemahiran,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**KRITERIA PENGAGIHAN PERUNTUKAN PINJAMAN LATIHAN  
KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH  
DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI  
TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bilangan 8 Tahun 2020 yang bersidang pada 26 November 2020 telah menetapkan Kriteria Pengagihan Peruntukan bagi Pinjaman Latihan Kemahiran di bawah Skim Pinjaman Lepas Sekolah bagi tahun 2021 berdasarkan **Konsep Kuota Terbuka** dan berdasarkan keputusan **Penarafan Bintang Tahun 2019** daripada

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi setiap program yang diluluskan oleh PTPK seperti ketetapan berikut:

- a. **PL yang memperoleh penarafan 5 bintang pada tahun 2019, diberikan maksimum kapasiti yang diluluskan oleh JPK;**
  - b. **PL yang memperoleh penarafan 4 bintang pada tahun 2019, diberikan maksimum 100 kapasiti yang diluluskan JPK atau berdasarkan permohonan daripada PL;**
  - c. **PL yang memperoleh penarafan 3 bintang pada tahun 2019, diberikan maksimum 75 kapasiti yang diluluskan JPK atau berdasarkan permohonan daripada PL;**
  - d. **PL yang memperoleh penarafan 2 bintang dan 1 bintang pada tahun 2019, PL perlu memohon kepada JPK untuk mengikuti sesi klinik dan lawatan semakan semula. Setelah diperaku dan dicadangkan oleh JPK, diberikan maksimum 25 kapasiti atau berdasarkan kepada permohonan daripada PL; dan**
  - e. **PL baharu dan program baharu serta tidak memperoleh Penarafan Bintang pada tahun 2019 (0 bintang) daripada JPK, diberikan maksimum 25 kapasiti atau berdasarkan permohonan daripada PL.**
3. Sehubungan dengan itu, permohonan pelatih bagi Pinjaman Latihan Kemahiran di bawah Skim Pinjaman Lepas Sekolah bagi tahun 2021 boleh dibuat secara atas talian (*Online*) di dalam Sistem Pengurusan

KRITERIA PENGAGIHAN PERUNTUKAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI TAHUN 2021

---

Pinjaman (SPPiv), PTPK mulai **4 Januari 2021**. Pengagihan peruntukan ini berdasarkan prinsip ***first come first serve basis*** yang mana ianya tertakluk kepada kesediaan dana dan siling peruntukan yang diterima oleh PTPK.

4. Perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah ditarik bahawa PTPK berhak untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa sekiranya PTPK mendapati berlakunya pelanggaran syarat dan peraturan yang sedang berkuat kuasa serta wujudnya *fraud case* yang telah dibuktikan di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

5. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan boleh menghubungi Encik Syafry Noor bin Sabaruddin di talian 03-4047 6189 atau [syafry@ptpk.gov.my](mailto:syafry@ptpk.gov.my) atau Encik Zahid bin Ahmad di talian 03-4047 6097 atau [zahid@ptpk.gov.my](mailto:zahid@ptpk.gov.my) atau Encik Mohd Haffeez bin Mohd Anuar di talian 03 4047 6079 atau [haffeez@ptpk.gov.my](mailto:haffeez@ptpk.gov.my) untuk maklumat lanjut.

6. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

KRITERIA PENGAGIHAN PERUNTUKAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI TAHUN 2021

---

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**

b.p Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

**Salinan Kepada :**

- i. Fail Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK
- ii. Fail Pengagihan Peruntukan
- iii. Semua Pengurus Besar dan Ketua Bahagian, PTPK